

Pembandaran dan Perubahan Kriteria Memilih Pasangan Orang Melayu di Bandar: Kajian Kes di Kuala Lumpur

Urbanization and Changing Criteria of Mate Selection among Urban Malays: A Case Study in Kuala Lumpur

HANXIAO @ INDAH

ABSTRAK

Kajian ini berfokus pada perubahan kriteria memilih pasangan orang Melayu bandar dan juga puncanya kepada perubahan tersebut. Untuk mencapai objektif kajian, kaedah kuantitatif dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik terhadap 214 orang Melayu di Kuala Lumpur yang merangkumi 107 pasangan suami isteri. Di samping itu, kaedah kualitatif turut dilaksanakan dengan melakukan kajian kepustakaan selain menemu bual 14 pasangan suami isteri Melayu di Kuala Lumpur. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa proses pembandaran amnya dan perubahan corak pekerjaan, peningkatan tahap pendidikan dan pendapatan khususnya telah menyebabkan berlakunya perubahan kriteria memilih pasangan dalam kalangan orang Melayu di Kuala Lumpur. Perubahan yang paling drastik ialah kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan tidak begitu dipentingkan lagi, sebaliknya kriteria-kriteria pasangan itu sendiri, seperti keperibadian, keimanan, keadaan sosioekonomi sendiri dan keadaan fizikal lebih diberikan keutamaan. Pada masa yang sama, unsur-unsur sosiobudaya dalam masyarakat Melayu yang merangkumi nilai norma, adat Melayu dan agama Islam didapati tetap berperanan besar dalam mempengaruhi kriteria memilih pasangan orang Melayu di Kuala Lumpur.

Kata kunci: Pembandaran; orang Melayu bandar; kriteria memilih pasangan; perubahan; unsur sosiobudaya

ABSTRACT

This study focuses on the changing criteria of mate selection among urban Malay couples as well as the causes of the changes. To achieve the objectives of this study, quantitative method has been applied by sending questionnaires to 214 respondents in Kuala Lumpur, referring to 107 Malay couples. Qualitative method consists of library research and interviews on 14 Malay couples in Kuala Lumpur. The findings show that the urbanization, especially the changes in employment patterns, increased education and income levels had resulted in the changing criteria of mate selection among the urban Malays in Kuala Lumpur. The most drastic change is that the socioeconomic position of the couple's family is not so concerned, but rather the criteria of the couples themselves, such as personality, devotion to religion, self-socioeconomic condition and physical condition are more concerned. At the same time, socio-cultural elements in the Malay community which encompassed the values of norms, Malay customs and Islamic religion remained a big role in influencing the changing criteria of mate selection among urban Malays in Kuala Lumpur.

Keywords: Urbanization; urban Malays, criteria of mate selection; changes; socio-cultural elements

PENGENALAN

Sepanjang sejarah dalam kehidupan manusia, perkahwinan ialah sebuah institusi penting bagi mengesahkan anak-anak yang bakal dilahirkan. Dalam kebanyakan negara Asia yang mendukung kebudayaan Timur, perkahwinan masih merupakan satu-satunya cara untuk menghalalkan hubungan kelamin antara lelaki dengan perempuan serta memberi keturunan kedudukan sah di sisi undang-

undang. Dalam menjalin hubungan perkahwinan, pemilihan pasangan merupakan jaminan kuat kepada keutuhan institusi perkahwinan itu. Dalam hal ini, bagaimana menilai seseorang dan akhirnya memilih calon yang sesuai untuk menjadi teman hidup bergantung kepada kriteria memilih pasangan.

Pada zaman ini, arus pembandaran merupakan salah satu lambang utama proses pemodenan yang membawa perubahan besar kepada kehidupan harian manusia tanpa mengira kaum, budaya maupun

negara. Proses pembandaran menyebabkan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar secara besar-besaran, lalu mengakibatkan berlakunya rombakan dari segi struktur masyarakat, pekerjaan, pendapatan, lapisan masyarakat, cara hidup dan pandangan dunia penduduk bandar untuk selama-lamanya (Gold 2002; Greene 2011; Macionis & Parrillo 2016). Begitu juga dengan institusi perkahwinan amnya dan pemilihan pasangan khususnya yang merupakan salah satu prosedur utama dalam menjalinkan hubungan perkahwinan. Dalam hal ini, faktor yang memainkan peranan besar dalam menentukan ikatan perkahwinan yang bagaimana bakal dijalin, iaitu kriteria memilih pasangan juga tidak terkecuali daripada trend perubahan.

Walau bagaimanapun, kajian mendalam tentang implikasi pembandaran terhadap perubahan kriteria memilih pasangan orang bandar masih tidak mencukupi. Apatah lagi kajian komprehensif yang memfokuskan kepada masyarakat Melayu bandar.

PERMASALAHAN KAJIAN

Orang Melayu dahulu dikenali sebagai masyarakat kampung kerana kebanyakan mereka tinggal di desa dan menyara diri dengan bercucuk tanam, menternak binatang dan menangkap ikan. Pada ketika itu, komposisi penduduk bandar diidentifikasi kepada etnik Cina. Walau bagaimanapun, komposisi penduduk tersebut mengalami perubahan signifikan semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. DEB menggalakkan penyusunan semula masyarakat dengan menekankan penglibatan kaum Melayu dalam kegiatan ekonomi moden yang bertapak di bandar. Hal ini mengakibatkan berlaku penghijrahan orang Melayu ke bandar secara besar-besaran sehingga menjadi majoriti penduduk di bandar-bandar besar, khususnya di pantai barat Semenanjung Malaysia (Abdul Rahman Embong 2011). Kehidupan orang Melayu moden, khususnya mereka yang tinggal di bandar telah berubah secara keseluruhannya akibat proses pembandaran sehingga Chan (1988) menegaskan bahawa impak pembandaran dapat dikesan dari pelbagai aspek, termasuk demografi, fizikal, struktur dan tingkah laku.

Sebagai aspek penting dalam kehidupan orang Melayu, perkahwinan mengandungi banyak prosedur yang rumit, termasuk merisik, memilih pasangan, meminang, bertunang, akad nikah, bersanding dan lawat-melawat. Antara prosedur

tersebut, pemilihan pasangan merupakan satu proses yang begitu bermakna kepada pembentukan sebuah perkahwinan yang utuh dan bahagia. Dalam hal ini, faktor yang berpengaruh besar dalam menentukan nasib sebuah ikatan perkahwinan ialah kriteria memilih pasangan. Walau bagaimanapun, dalam kalangan orang Melayu bandar, kriteria memilih pasangan didapati telah mengalami perubahan yang signifikan jika dibandingkan dengan nenek moyang mereka yang dahulunya menetap di kawasan luar bandar. Ang dan Lau (2013) pernah menunjukkan bahawa orang Melayu moden lebih cenderung memilih calon suami atau isteri yang paling sesuai mengikut kehendak masing-masing dan lebih mementingkan kriteria-kriteria pasangan itu sendiri, antaranya termasuk keperibadian, pendidikan dan keadaan sosioekonominya.

Sungguhpun begitu, masih kurang ditemui kajian yang mengupas perubahan kriteria memilih pasangan orang Melayu bandar secara sistematik dan kajian yang berfokus kepada hubung kait antara implikasi proses pembandaran dengan perubahan tersebut. Oleh hal yang demikian, isu yang hendak dianalisis dalam kajian ini ialah, apakah perubahan kriteria memilih pasangan yang telah berlaku dalam masyarakat Melayu bandar? Bagaimanakah pula proses pembandaran dapat mencorakkan perubahan tersebut? Kajian ini dijalankan dengan memberikan tumpuan kepada komuniti Melayu yang menetap di Kuala Lumpur, ibu kota Malaysia kerana bandar ini mempunyai tahap pembandaran yang paling tinggi antara bandar-bandar utama di negara ini.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi tujuan mengumpulkan data-data dalam bentuk bilangan angka, kaedah kuantitatif dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Di samping itu, bagi tujuan memperoleh data-data yang boleh menyokong dapatan kajian, hasil daripada data-data soal selidik, kaedah kualitatif turut dilaksanakan dengan menggunakan instrumen kepustakaan dan instrumen temu bual.

KAEDAH KUANTITATIF

Untuk mengetahui perubahan kriteria memilih pasangan orang Melayu di bandar dan puncapuncanya secara umumnya, satu kajian soal selidik telah dijalankan di Kuala Lumpur. Responden yang dipilih secara rawak terdiri daripada 214 orang Melayu di Kuala Lumpur yang merangkumi 107

pasangan suami isteri yang baru membina rumah tangga semasa borang soal selidik diedarkan. Soal selidik ini diedarkan dan dikumpulkan semula melalui dua kaedah, iaitu secara langsung dan melalui bantuan elektronik. Kesemua data empirikal yang telah dikumpulkan dianalisis secara saintifik dengan mengaplikasikan program SPSS (Versi 19.0). Analisis yang dilakukan telah mengenal pasti perubahan kriteria memilih pasangan orang Melayu di bandar secara umumnya.

KAEDAH KUALITATIF

Selain menjalankan kajian kepustakaan untuk mengumpulkan bahan-bahan sekunder dengan sebanyak mungkin, temu bual mendalam juga dilakukan terhadap beberapa pasangan suami isteri Melayu yang menetap di Kuala Lumpur yang baru mengikat hubungan perkahwinan. Mereka yang mempunyai latar belakang yang berbeza-beza adalah dari pelbagai lapisan masyarakat. Temu bual ini dilakukan sekurang-kurangnya satu kali dengan setiap pasangan suami isteri, dan setiap kali mengambil masa sekurang-kurangnya satu jam. Kadang-kadang, ibu bapa responden dengan suka rela menyertai temu bual untuk memberikan komen, pandangan atau menambah informasi yang penting. Ini dapat membantu untuk melihat isu yang dikaji dengan lebih menyeluruh.

SOROTAN KAJIAN

Mengenai kriteria-kriteria memilih pasangan, menurut kajian silang budaya yang dijalankan di banyak negara, sudah menjadi lumrah bahawa dalam perkahwinan atas dasar cinta, keadaan ekonomi keluarga pasangan yang satu ketika dahulu amat dipentingkan dalam perkahwinan aturan ibu bapa tidak lagi menjadi keutamaan, sebaliknya keadaan pasangan itu sendiri yang lebih dititikberatkan, seperti keperibadian, rupa paras, agama, pendidikan, pendapatan, pekerjaan dan sebagainya (Bidwell & Mey 2000; Li & Xu 2004; Clark et al. 2010; Jia & Feng 2013). Dalam hal ini, peningkatan tahap pembandaran dan beberapa faktor sosioekonomi dipercayai menyebabkan perubahan tersebut, misalnya peningkatan taraf pendidikan, pendapatan dan sebagainya.

South (1991) dalam kajiannya menerangkan bahawa lelaki yang tinggal di kawasan yang lebih pesat tahap pembandarananya lebih kritis dalam mencari pasangan. Mereka tidak ingin berkahwin

dengan perempuan yang lebih muda, perempuan yang mempunyai pendapatan jauh lebih rendah daripada diri mereka dan perempuan yang mempunyai taraf pendidikan yang jauh lebih tinggi atau jauh lebih rendah daripada diri mereka. Bagi perempuan yang berada di kawasan lebih pesat tahap pembandarannya pula, mereka tidak mahu berkahwin dengan pasangan yang lebih rendah taraf pendidikan dan tahap pendapatannya atau pasangan yang mempunyai anak daripada perkahwinan yang sebelumnya.

Kajian-kajian mengenai perubahan institusi perkahwinan dalam masyarakat Melayu bandar di Malaysia didokumentasikan agak lewat, iaitu mulai pertengahan 70-an abad ke-20. Hal ini demikian kerana pada awal 70-an abad ke-20, masyarakat Melayu baru mula mengalami pemodenan yang direalisasikan melalui proses pembandaran (Azlina Abdullah 2014). Walaupun ditemui sebahagian kajian yang menyentuh perubahan kriteria memilih pasangan dalam masyarakat Melayu bandar serta punca-puncanya, namun kajian yang khusus dan mendalam masih terhad bilangannya. Berikutnya, diuraikan beberapa perubahan utama yang telah berlaku dari aspek ini dengan berdasarkan kajian-kajian lepas.

Banyak kajian mengenai kriteria memilih pasangan orang Melayu di bandar tertumpu kepada perbincangan tentang empat kriteria mengikut ajaran Islam, iaitu agama, kecantikan, harta dan keturunan, manakala kajian yang menyentuh kriteria-kriteria lain agak terhad jumlahnya. Berdasarkan sebilangan kecil kajian yang membincangkan kriteria-kriteria yang lain dalam pemilihan pasangan orang Melayu di bandar, boleh dirumuskan bahawa kriteria-kriteria pada pasangan itu sendiri semakin diutamakan, seperti agama, kemampuan ekonomi, pendidikan dan keperibadian. Kriteria-kriteria ketimuran dalam diri calon pasangan juga amat dipentingkan, seperti sopan santun, menghormati orang tua dan menyukai kanak-kanak (Azwein Zaidein 2011; Ang & Lau 2013; Yaacob Harun 2014). Sayangnya, jarang ditemui kajian yang mengaitkan terus perubahan-perubahan tersebut dengan kesan-kesan pembandaran. Menurut kajian yang sedia ada, situasi berdikari dari segi ekonomi menyebabkan orang Melayu di bandar, terutama sekali perempuan mengenakan syarat yang lebih ketat terhadap pasangan (Ang & Lau 2013). Dalam hal ini, situasi berdikari boleh dikira sebagai salah satu akibat daripada impak pembandaran.

Secara keseluruhannya, dibandingkan dengan negara-negara industri yang lain, terutama sekali negara-negara barat, kajian tentang pemilihan pasangan orang Melayu di bandar masih jarang dilakukan sehingga bidang kajian ini dilabelkan sebagai “*isolated studies* (Haslee Sharil Abdullah et al. 2011: 36)”. Begitu juga dengan bidang kajian kriteria memilih pasangan orang Melayu di bandar, terutama sekali kajian yang memfokuskan kepada impak pembandaran terhadap perubahan kriteria memilih pasangan komuniti tersebut. Kajian yang sedia ada kebanyakannya hanya membincangkan isu-isu yang berkenaan secara umum sahaja dan tidak pula menggunakan data-data primer yang lebih meyakinkan, seperti data-data daripada kajian soal selidik dan temu bual.

KRITERIA MEMILIH PASANGAN ORANG MELAYU DALAM MASYARAKAT TRADISI

Secara teorinya, perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi diaturkan oleh ibu bapa. Dalam perkahwinan jenis ini, kasih sayang sesama pasangan bukannya faktor penting, kerana “*they are partners in a joint enterprise which will persist for as long as it is mutually profitable.* (Swift 1965: 105)”. Sebaliknya, keadaan sosioekonomi keluarga besan lebih diutamakan semasa meneliti latar belakang calon menantu. Selain itu, latar belakang agama dan kemahiran kemandirian bakal menantu juga menjadi hitungan.

Dalam masyarakat Melayu tradisi, tujuan perkahwinan atas aturan ibu bapa adalah untuk mengukuhkan kedudukan sosioekonomi keluarga dengan menjalin hubungan besan dengan sebuah keluarga lain. Jelasnya, dalam hal ini, kepentingan keluarga adalah lebih diutamakan berbanding dengan kepentingan pengantin sendiri. Maka, kedudukan sosioekonomi dan latar belakang keluarga calon menantu merupakan kriteria yang lebih dititikberatkan oleh ibu bapa Melayu. Satu lagi punca yang menyebabkan keadaan sosioekonomi keluarga besan diutamakan ialah, muda-mudi Melayu amat bergantung kepada keluarga untuk menyara diri, menyebabkan kedudukan mereka dalam komuniti setempat banyak ditentukan oleh kedudukan sosioekonomi keluarga mereka. Perhatian ibu bapa Melayu terhadap keadaan sosioekonomi keluarga calon menantu boleh dikesan dalam banyak kajian, sama ada di Singapura atau Malaysia.

Dalam kalangan orang Melayu Singapura contohnya, semasa meneliti latar belakang seorang

perempuan, ukuran utama dilihat dari segi kedudukan ekonomi bapa gadis berkenaan. Jika bapanya telah meninggal dunia, maka kemampuan ekonomi abangnya atau keluarga dekatnya yang menyara gadis itu akan dipertimbangkan (Djamour 1965). Keadaan yang sama juga dikesan dalam masyarakat pertanian di Padang Lalang, Kedah, iaitu kedudukan dan kemampuan ekonomi keluarga bakal pasangan akan diambil kira (Kuchiba et al. 1979). Banks (1983) pula menegaskan, kedudukan sosioekonomi keluarga besan begitu diutamakan, terutama sekali selepas Perang Dunia Kedua sehingga kepentingan faktor ini telah menggantikan hubungan kerabat yang pernah diutamakan oleh orang tua semasa memilih calon menantu.

Selain kedudukan sosioekonomi keluarga calon menantu, terdapat juga dua kriteria mengenai calon sendiri menjadi hitungan, iaitu latar belakang agama dan kemahiran kemandirianya. Mengenai agama, bagi komuniti Melayu masyarakat tradisi, agama Islam bukan sahaja agama semata-mata, tetapi merangkumi cara hidup. Maka, semasa memilih calon menantu, kedudukan agamanya dalam komuniti diutamakan (Strange 1976). Menurut Amran Kasimin (2002), keluarga lelaki memberikan keutamaan kepada latar belakang pengetahuan agama, tatasusila dan budi bahasa anak gadis. Kuchiba et al. (1979) pula menunjukkan, khatam al-Quran dianggap sebagai salah satu syarat penting dan kualiti seseorang gadis yang ingin dikahwini. Urusan perkahwinan mungkin boleh dibatalkan sekiranya perempuan tersebut didapati tidak pernah mengaji al-Quran. Dalam mencari calon menantu lelaki pula, sama ada dia berpengetahuan dalam bidang agama dan warak juga merupakan kriteria penting (Amran Kasimin 2002). Ibu bapa lebih suka mengahwinkan anak perempuan mereka dengan lelaki yang beragama daripada mereka yang tidak mempunyai latar belakang agama. Itulah sebabnya lelaki yang beragama lebih mudah mendapat jodoh dan berkahwin dengan isteri yang berusia muda.

Kemahiran kemandirian mengikut jantina turut dipertimbangkan semasa memilih calon menantu kerana menjadi jaminan masa depan rumah tangga yang bakal dibina (Kuchiba & Tsubouchi 1966). Djamour (1965) menghuraikan bahawa bagi pengantin perempuan, dia mestilah suci, rajin dan seorang suri rumah yang periang serta suka duduk di rumah. Bagi lelaki pula, selain baik dari segi tingkah laku, beliau juga diharapkan rajin bekerja. Strange (1976) juga mengatakan bahawa sama ada lelaki atau perempuan mestilah rajin dan

mampu menjalankan peranan mereka dengan baik dalam bidang pekerjaan tradisi. Laki-laki mesti membuktikan dirinya akan menjadi penyara hidup yang baik, manakala perempuan dikehendaki menetapi janji untuk menjadi suri rumah dan ibu yang misali.

Demi memenuhi tuntutan nilai norma Melayu dan agama Islam, dalam mengaturkan sebuah perkahwinan, ibu bapa Melayu amat mementingkan “sekufu” antara kedua-dua keluarga kerana keserasian antara keluarga besan adalah amat penting untuk membentuk dunia sosial pasangan tersebut. Menurut Banks (1983), golongan bangsawan mengaturkan perkahwinan bersifat endogami untuk keturunannya, manakala golongan orang miskin pula berkahwin dengan orang yang tidak berada supaya pasangan dapat mencari rezeki bersama-sama. Djamour (1965) mengatakan, keutamaan akan diberikan kepada perkahwinan antara dua keluarga asas yang sama pendapatan dan taraf hidupnya. Seorang anak penoreh getah mungkin berkahwin dengan penoreh getah, pembantu rumah atau buruh separuh mahir. Pasangannya mungkin juga bekerja sebagai pembantu pejabat atau polis, tetapi tidak mungkin bekerja sebagai kerani atau guru sekolah. Strange (1976) pula menyatakan, sekiranya terdapat seorang gadis daripada keluarga soleh, maka calon suami yang dipilih untuknya mesti setanding pengetahuan agamanya.


Ringkasnya, dari segi kriteria memilih calon menantu dalam masyarakat Melayu tradisi,

kedudukan sosioekonomi keluarga besan merupakan kriteria yang amat dititikberatkan. Selain itu, latar belakang agama dan kemahiran kemandirian calon menantu sendiri turut menjadi hitungan penting. Dalam memilih calon menantu, “sekufu” antara keluarga kedua-dua belah pihak amat diutamakan dan dihargai.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kriteria memilih pasangan dalam kalangan orang Melayu bandar di Kuala Lumpur telah mengalami peralihan yang signifikan dibandingkan dengan komuniti masyarakat Melayu tradisi.

Menurut Rajah 1, jelaslah bahawa semasa memilih pasangan, perhatian responden lebih tertumpu kepada kriteria-kriteria pada pasangan itu sendiri, sama ada dari segi keperibadian (86.0%), keimanan (78.5%), keadaan sosioekonomi, termasuk pekerjaan (68.2%), pendidikan (54.2%) dan pendapatan (39.3%) atau keadaan fizikal yang merangkumi rupa paras (45.8%), kesihatan (32.7%) dan umur (29.0%). Sebaliknya, kriteria tradisi yang dipentingkan dalam perkahwinan aturan ibu bapa, iaitu kedudukan sosioekonomi keluarga tidak begitu diutamakan lagi dalam perkahwinan atas dasar cinta. Hanya 11.2% responden mengakui diri mereka memberikan pertimbangan kepada kriteria itu semasa mencari jodoh.



RAJAH 1. Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan oleh Responden

Sebenarnya, perubahan tersebut mempunyai hubung kait yang rapat dengan pembandaran. Pembandaran telah menggalakkan golongan Melayu berhijrah ke bandar dari desa dan akhirnya menjadi komuniti tetap di sini. Di bandar, seiring dengan perubahan faktor sosioekonomi muda-mudi Melayu, iaitu perubahan corak pekerjaan, peningkatan tahap pendidikan dan pendapatan, mereka telah berdikari dari segi ekonomi lalu mempunyai kuasa yang lebih besar dalam urusan sendiri, termasuk juga pemilihan pasangan. Buktinya, antara 107 pasangan responden suami isteri dalam kajian ini, terdapat 98.1% responden berkahwin dengan pilihan sendiri. Dengan berubahnya cara memilih pasangan tersebut, maka kriteria memilih pasangan orang Melayu bandar juga turut berubah seperti yang didapati dalam kajian ini. Tidak seperti perkahwinan aturan ibu bapa yang lebih bersifat perniagaan (Coltrane & Collins 2001), dalam perkahwinan pilihan sendiri, yang paling diutamakan ialah rasa cinta dan keserasian antara dua orang yang terbabit. Lantaran itu, kriteria-kriteria calon potensi sendiri, seperti keperibadian, agama, status sosioekonomi dan keadaan fizikal amat dititikberatkan supaya menjamin rasa kasih sayang dan keserasian wujud sesama pasangan.

Melihat kedudukan sosioekonomi keluarga pula, dalam masyarakat bandar perindustrian, peranannya dalam menentukan kedudukan sosial individu telah diambil alih oleh faktor pendidikan, pekerjaan dan pendapatan individu itu sendiri (Bidwell & Mey 2000). Maka, semasa mencari pasangan, responden lebih menitikberatkan kriteria-kriteria calon potensi itu sendiri, tetapi bukan keadaan ekonomi keluarganya. Hal ini juga disokong oleh kajian Jonason et al. (2011) yang menunjukkan bahawa muda-mudi bandar lebih cenderung mengikat hubungan cinta dengan individu yang mempunyai sumber ekonomi sendiri dibandingkan dengan mereka yang mewarisi sahaja harta pusaka daripada keluarga. Kajian Jia dan Feng (2013) terhadap 1,255 orang responden di Nanning, China juga membuktikan bahawa kepentingan kedudukan sosioekonomi keluarga dalam mencari pasangan telah menurun kerana faktor ini hanya menduduki tempat ke-19 antara 39 kriteria memilih pasangan yang diutamakan oleh responden.

Jika meninjau kriteria-kriteria memilih pasangan yang berfokus kepada calon itu sendiri, maka didapati empat kecenderungan yang ketara. Kecenderungan yang pertama ialah, keperibadian calon wujud sebagai kriteria yang paling diutamakan

oleh responden dalam kajian ini. Situasi yang serupa juga dikesan dalam kajian Jia dan Feng (2013) terhadap 1,255 orang responden di China. Menurut mereka, kriteria keperibadian menduduki tempat yang pertama antara 39 kriteria memilih pasangan yang diutamakan. Pada hakikatnya, tidak sukar untuk difahami mengapa responden memberikan perhatian yang tinggi terhadap kriteria keperibadian pasangan. Dalam perkahwinan atas dasar cinta, kesesuaian dari segi keperibadian amat penting kerana faktor ini membantu untuk membentuk keharmonian dalam hubungan perkahwinan. Keutamaan orang Melayu terhadap keperibadian pasangan juga disokong oleh beberapa sarjana tempatan, seperti Azwein Zaidein (2011) serta Ang dan Lau (2013). Keutamaan responden terhadap kriteria keperibadian pasangan dapat dikesan dengan jelas dalam contoh kes responden yang berikut.

BERKENAN DENGAN KEPERIBADIAN BAKAL SUAMI YANG PRAGMATIK

Responden isteri bagi pasangan ini mempunyai ijazah sarjana muda dan bekerja sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Kementerian Luar Negeri Malaysia. Beliau mengakui, semasa mencari pasangan, keperibadian ialah salah satu kriteria yang paling diutamakan. Ia mempercayai keserasian dari segi keperibadian akan membawa kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan rumah tangga yang bakal dibina. Semasa mengenali suaminya sekarang, responden isteri tertarik hati dengan keperibadiannya yang pragmatik kerana dirinya juga orang yang sederhana walaupun dibesarkan dalam keluarga yang berada. “Pragmatik tu, satu sifat bagus bagi orang lelaki yang bakal menjadi suami dan ketua keluarga. Kami memang serasi dalam hal ini sebab kedua-dua kami sangat *practical* pada pendapat saya. Ambil contoh beli barang, kami tak berkenan dengan barang mahal ke apa, asalkan ada fungsi dan kualiti. Kami juga tak suka bertukar-tukar hadiah kerana kami bukan orang yang romantis tetapi sangat pragmatik. Anyway, bila saya bersama dia, saya rasa selesa,” ujar responden isteri dalam senyuman.

Kecenderungan yang kedua ialah, kriteria memilih pasangan yang dituntut mengikut ajaran agama Islam, iaitu keimanan masih menjadi panduan utama dalam pemilihan pasangan bagi responden Melayu di bandar. Agama Islam berhubung kait rapat dengan adat resam, makan minum, bahkan cara hidup masyarakat Melayu (Ang & Lau

2013). Rasulullah SAW telah memberikan nasihat kepada umat Islam supaya menitikberatkan agama pasangan dalam mencari teman hidup. Menurut sabda Rasulullah SAW, seorang wanita dikahwini kerana empat perkara, yakni harta, kecantikan, akhlak dan agama, antaranya agama adalah yang paling diutamakan. Dalam memilih calon suami pula, nasihat Rasulullah SAW dalam Hadis riwayat al-Tirmizi berbunyi, “Apabila seorang yang kamu berkenan tentang keagamaan dan akhlaknya datang melamar maka kahwinkanlah dia (tiga kali). (Paizah Ismail 2003: 39).” Keutamaan orang Melayu terhadap faktor agama pasangan juga dikesan oleh Azwein Zaidein (2011) dalam kajiannya di Muar, Johor. Menurutnya, kesamaan dan keteguhan pegangan agama ialah kriteria yang amat diutamakan oleh orang Melayu semasa memilih pasangan. Contoh kes berikut yang didapati daripada temubual terhadap seorang responden turut menyokong dapatan kajian ini.

“DALAM AGAMA, SEMUA DAH LENGKAP”

Responden isteri bagi pasangan ini merupakan seorang tutor di sebuah universiti awam. Beliau sambil mengajar sambil melanjutkan pelajaran di peringkat PhD. Mengenai kriteria memilih pasangan yang mana diutamakan semasa mencari pasangan, beliau berkata, “Agama yang pertamalah, lepas tu baru kedudukan ekonomi, maksudnya dia ada kerja, tak adalah menganggur.” Apabila pengkaji menanyakan responden mengapa meletakkan kriteria agama pada tempat yang pertama, beliau menjawab dengan panjang lebar, “Kalau dalam agama, tanggungjawab ni penting, maksudnya tanggungjawab ni sebahagian daripada agama. Tanggungjawab, kasih sayang, macam mana menjaga keluarga, semua dalam agama ni dah ada dah semua benda itu. Kalau dia tahu agama, dia mesti tahu tanggungjawab, bila kita tahu agama, kita patuh pada ajaran itu, kita patuh pada al-Quran, Hadith semua benda, dalam itu semua dah lengkap, bercerita tentang tanggungjawab pada isteri, tanggungjawab pada anak, tanggungjawab pada mak ayah dan macam mana nak menegur isteri. Alhamdulillah, saya tahu suami saya jenis orang yang sembahyang, maksudnya dia boleh la bimbing saya. Saya sebenarnya pun tak berapa tahu, tapi dua-dua kami sama-sama boleh belajarlah.”

Kecenderungan yang ketiga ialah, keadaan ekonomi pasangan diberikan perhatian yang semakin serius, termasuk pekerjaan, pendidikan

dan pendapatan. Ketiga-tiga faktor tersebut saling berhubungan dan bergantungan kerana pendidikan boleh menentukan tinggi rendah status pekerjaan seseorang, lalu mempengaruhi jumlah pendapatannya. Olson et al. (2013) juga membuktikan, peningkatan pendapatan datang seiring dengan peningkatan taraf pendidikan tanpa mengira jantina. Dalam masyarakat bandar yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas, keadaan ekonomi seseorang yang ditentukan oleh ketiga-tiga faktor tersebut amat mempengaruhi kesenangannya dalam kehidupan sehari-hari, di samping menentukan kedudukannya dalam masyarakat seperti yang ditegaskan oleh Bidwell dan Mey (2000: 150), “*occupation and income give some indication of social class.*” Maka tidak hairanlah, di bandar raya seperti Kuala Lumpur yang semakin tinggi kos sara hidupnya, taraf pendidikan, status pekerjaan dan jumlah pendapatan pasangan amat dititikberatkan semasa responden mencari jodoh demi menjamin kelangsungan hidup keluarga yang bakal dibina dan mencipta masa depan keluarga yang lebih cerah. Keutamaan responden terhadap keadaan ekonomi pasangan boleh dikesan dengan ketara dalam contoh kes seorang responden isteri yang diberikan dalam bahagian yang berikut.

“KALAU POKET TAK TEGAK, SUSAH NAK BAHAGIA JUGA”

Responden isteri bagi pasangan ini berkhidmat di syarikat *Mediquip Mobile*. Beliau menegaskan, kedudukan sosioekonomi pasangan ialah satu faktor yang sangat diutamakan semasa beliau memilih pasangan. Hal ini demikian kerana sebagai bakal ketua keluarga, si lelaki itu diwajibkan untuk menyara isteri dan anak-anak. “*Everything* sekarang ada kos kan, so kedudukan ekonomi penting. Macam mana sekali pun *handsome*, cantik, kacak, segak, kalau poket itu tak tegak susah nak bahagia juga. Yang penting, dia mesti mempunyai kerjaya bagus, boleh nak tanggung kita. Kalau dia boleh belikan barang yang kita nak itu, kira tu dah mampu la kiranya kan. Disokong dengan sifat-sifat pada diri dia yang baik, yang berkualiti sebagai seorang lelaki, contohnya bertanggungjawab terhadap isteri. Maka, itulah yang sesuai jadi pasangan,” ujar isteri berpanjang lebar.

Kecenderungan yang terakhir ialah, keadaan fizikal pasangan yang merangkumi rupa paras, umur dan kesihatan kurang dipentingkan semasa responden mencari jodoh. Buktinya, tidak sampai

separuh daripada jumlah responden mengakui diri mereka mengutamakan ketiga-tiga kriteria tersebut semasa memilih pasangan. Umur dan kesihatan pasangan kurang dipentingkan mungkin kerana dengan adanya teknologi dan sains perubatan yang maju pada hari ini, kepanjangan usia dan jangka hayat lebih terjamin dan bukan lagi isu yang amat dikhuatiri. Mengenai kriteria rupa paras, yang menarik di sini ialah, daptan dalam kalangan responden Melayu bandar bertentangan dengan apa yang didapati dalam masyarakat barat, iaitu tarikan fizikal memainkan peranan yang mustahak dalam pemilihan pasangan (Hatfield & Rapson 2005; Olson et al. 2013). Pada hakikatnya, responden Melayu kurang mengutamakan rupa paras pasangan berhubung kait rapat dengan ajaran Islam yang menekankan kecantikan dalaman. Rasulullah SAW dengan tegas melarang umat Islam berkahwin dengan seseorang semata-mata kerana tarikan fizikalnya. Hal ini demikian kerana kecantikan akan menjadikan mereka tidak bersyukur, malah boleh menyebabkan mereka menjadi kufur terhadap Allah SAW (Sulaiman Endut 1999). Lantaran itu, semasa mencari pasangan, kecantikan dalaman pasangan, iaitu keimanan dan akhlak lebih diutamakan, tetapi bukan kecantikan luaran. Dapatan ini turut dibuktikan benar dalam contoh kes isteri responden yang berikut.

**“DALAM MUKA CANTIK ADA TENGKORAK,
SEMUA ORANG SAMA SAHAJA”**

Responden isteri bagi pasangan ini ialah pensyarah di sebuah universiti tempatan. Semasa beliau menemui pasangan hidupnya sekarang, beliau telah berada dalam lingkungan umur hujung 20-an. Pada masa itu, beliau telah memperoleh ijazah sarjana dan sedang merancang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Apabila ditemu ramah, beliau meletakkan pendidikan, pekerjaan, keperibadian, keimanan dan kesihatan sebagai lima kriteria yang paling utama dan langsung tidak menyebut kriteria rupa paras. Apabila ditanyakan mengapa tidak mengutamakan rupa paras pasangan, beliau memberi jawapan, “Dalam muka yang cantik ada tengkorak, semua orang ada tengkorak, sama


sahaja. Rupa paras pasangan yang *handsome* ialah ‘*bonus*’, kalau dapat lelaki yang rupa parasnya kurang pun tidak mengapa. Jangan menjadikan rupa paras satu perkara yang utama untuk kita mencari atau menerima pasangan. Yang penting itu ilmu dia dan kebolehan dia dalam menjalankan kehidupan.”

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa kriteria memilih pasangan dalam kalangan responden Melayu yang menetap di Kuala Lumpur telah mengalami perubahan yang ketara, iaitu keadaan calon sendiri lebih diutamakan, sedangkan kepentingan keadaan ekonomi keluarganya semakin menurun.

**PENGARUH UNSUR-UNSUR SOSIOBUDAYA
DALAM KRITERIA MEMILIH PASANGAN
ORANG MELAYU DI BANDAR**

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pembandaran telah membawa perubahan yang signifikan terhadap kriteria-kriteria memilih pasangan orang Melayu di bandar jika dibandingkan dengan komuniti Melayu dalam masyarakat tradisi. Walau bagaimanapun, apa yang menarik di sini ialah, pengaruh unsur-unsur sosiobudaya yang merangkumi agama Islam dan nilai-nilai Melayu masih dapat dikesan dengan jelas dalam hal ini. Keutamaan responden terhadap kriteria “keimanan” dan ketidakpentingan mereka terhadap kriteria “rupa paras” telah membuktikan pengaruh Islam terhadap pemilihan pasangan orang Melayu di bandar.

Selain itu, terdapat satu lagi fenomena menarik yang jelas mencerminkan pengaruh agama Islam dan nilai-nilai Melayu dalam pemilihan pasangan orang Melayu di bandar, iaitu keutamaan mereka terhadap konsep sekufu. Menurut Graf 2, konsep sekufu yang sejak dahulu lagi ditegaskan oleh agama Islam dan nilai-nilai Melayu tetap diutamakan oleh responden Melayu semasa mereka mencari jodoh. Biarpun begitu, sekufu antara suami isteri responden bukan sahaja menumpukan kepada kriteria latar belakang agama dan kedudukan sosioekonomi kedua-dua keluarga, iaitu dua kriteria yang diutamakan dalam perkahwinan aturan ibu bapa, tetapi juga turut memfokuskan kepada kriteria-kriteria pasangan itu sendiri.



RAJAH 2. Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan dari Segi Sekufu

Rajah 2 menunjukkan bahawa dalam kalangan responden Melayu yang menetap di Kuala Lumpur, persamaan dari segi agama (92.5%) dan kedudukan sosioekonomi keluarga (65.4%) masih diutamakan. Di samping itu, responden juga memberikan penghargaan yang tinggi kepada sekufu dari segi sifat-sifat yang dimiliki suami isteri sendiri, antaranya, keperibadian (87.9%), pekerjaan (78.5%), pendapatan (63.6%), pendidikan (57.0%), rupa paras (48.6%) dan umur (43.9%). Sebenarnya, konsep sekufu bukan sekadar diutamakan tetapi diamalkan oleh responden kajian ini. Didapati bahawa kesemua 107 responden Melayu berkahwin dengan pasangan Melayu yang beragama Islam. Selain itu, terdapat 75.7% pasangan mempunyai status pekerjaan¹ yang sama, 65.4% pasangan datang dari keluarga yang setaraf kedudukan sosioekonominya², 57.1% pasangan berada dalam lingkungan pendapatan³ yang serupa dan 47.7% pasangan mempunyai tahap pendidikan⁴ yang sama.

Dapatkan ini dikuukuhkan lagi oleh kajian-kajian sarjana tempatan. Menurut kajian Azwein Zaidein (2011) terhadap mereka yang menghadiri kursus Pra Perkahwinan di Muar, Johor, terdapat 48.8% responden menyatakan mereka mengutamakan sekufu dalam pendidikan, lagi 11.3% responden mengakui mereka sangat menitikberatkan keserasian dalam kriteria ini. Selain itu, terdapat 57.5% responden bersetuju dengan sekufu dari segi taraf ekonomi kedua-dua keluarga, lagi 28.8% responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Zamali Tarmudi et al. (2014) pula menegaskan, sekufu

adalah antara faktor yang mempengaruhi orang Melayu dalam pemilihan pasangan hidup.

Dari segi agama Islam, sekufu atau kafa'ah dalam bahasa Arab membawa maksud persamaan di antara suami isteri dari aspek keadaan hidup. Menurut Wahbah Al-Zuhayli (1985), para ulama mempunyai pandangan yang berbeza-beza berkaitan dengan kriteria yang perlu ada dalam sekufu. Jumhur ulama berpendapat bahawa kriteria agama, keturunan, merdeka, iaitu bukan hamba serta pekerjaan termasuk dalam skop sekufu. Mazhab Hanafi dan Hambali menambahkan lagi kriteria harta. Mazhab Maliki pula menegaskan bahawa sekufu merangkumi aspek agama dan tiada kecacatan tubuh badan sahaja. Dalam hal ini, bukan sahaja kaum lelaki yang menduduki kedudukan dominan dalam masyarakat berhak untuk mencari isteri yang sekufu, kaum perempuan pun berhak untuk memilih bakal suami yang sepadan dengan mereka, bukan sahaja dari segi beragama tetapi juga keturunan, rupa paras, harta benda dan sebagainya (Paizah Ismail 2003).

Dari segi nilai norma Melayu tradisi pula, peribahasa Melayu seperti “seperti cincin dengan permata” dan “seperti pinang dibelah dua” menunjukkan kepentingan sekufu dalam mencari jodoh. Masyarakat Melayu tidak menggalakkan perkahwinan antara dua orang yang berlainan taraf dan keturunan seperti dicerminkan dalam peribahasa “burung pipit sama enggang, mana boleh sama terbang”. Peribahasa ini menyampaikan sesuatu nasihat kepada individu yang dilamun cinta

supaya tidak “melupakan diri” dan bersikap lebih realistik untuk memilih jodoh yang lebih sepadan dengan dirinya (Wan Abdul Halim Othman 1993). Hal ini demikian kerana, keadaan yang jauh berbeza antara pasangan, sama ada dari segi harta kekayaan (pekerjaan, taraf pendidikan dan taraf kedudukan keluarga) atau dari segi keturunan (kesihatan, bangsa dan keturunan) (Zamali Tarmudi et al. 2014) mungkin menjadi punca yang boleh membawa keretakan hubungan cinta atau keruntuhan rumah tangga.

Pada hakikatnya, sama ada dari segi agama Islam atau nilai-nilai Melayu, sekufu dituntut atas beberapa sebab yang penting. Yang pertama ialah, sekufu antara suami isteri dari aspek sosial bertujuan untuk menjaga taraf kehidupan dan kesesuaian antara mereka berdua ('Adil Abdul Mun'im Abu Al-'Abbas 2011); yang kedua, sekufu memastikan keamanan dan kebahagiaan rumah tangga yang bakal dibentuk; yang ketiga, sekufu memelihara hubungan kekeluargaan antara kedua-dua belah pihak suami dan juga isteri; dan yang terakhir, sekufu menjamin keselamatan bagi perempuan daripada kegagalan serta kepincangan dalam rumah tangga (Wahbah Al-Zuhayli 1985; Sayyid Sabiq 1990). Berikutnya, diuraikan dua contoh kes menarik untuk menunjukkan pengaruh dan kepentingan konsep sekufu dalam pencarian jodoh dalam kalangan responden. Contoh kes yang pertama menekankan keutamaan sekufu dalam keadaan pasangan sendiri dan keadaan kedua-dua buah keluarga yang terbabit. Contoh kes kedua pula, membuktikan bahawa jika sekufu tidak dapat dicapai, maka berkemungkinan besar akan timbul masalah dalam rumah tangga, bahkan menggugat sebuah perkahwinan.

PASANGAN RASA DIJODOHKAN UNTUK BERTEMU KERANA SEKUFU DARI PELBAGAI ASPEK, TERMASUK LATAR BELAKANG KELUARGA

Bapa kepada responden isteri bagi pasangan ini ialah pegawai tinggi di bank, manakala ibunya guru sejarah di sekolah menengah. Bapa suami pula seorang PTD dan pernah menjadi setiausaha di kerajaan Melaka. Ibunya pegawai kanan di Putrajaya. Rumah kediaman keluarga kedua-dua belah pihak terletak di kawasan perumahan banglo yang sama di Petaling Jaya. Rumah keluarga isteri yang berharga RM3 juta berada di seksyen tiga, manakala rumah keluarga suami yang bernilai

RM1.5 juta pula terletak di kawasan seksyen empat. Namun begitu, kedua-dua keluarga ini tidak saling mengenali sehingga suami dan isteri bertemu di tempat kerja.

Selepas berkenalan enam bulan, keluarga suami telah datang ke rumah isteri untuk melamar. Isteri mengakui bahawa mereka mengambil keputusan untuk membina masjid dalam masa yang begitu singkat kerana mereka berdua memang serasi dan sekufu. Pasangan ini mendapati terdapat banyak persamaan bukan sahaja melibatkan mereka berdua, tetapi kedua-dua keluarga. Contohnya, mereka ialah jiran dan tinggal di kawasan perumahan yang sama. Selain itu, isteri mendapat ijazah sarjana muda di sebuah universiti di Bristol, Britain. Suami pada masa kanak-kanak juga pernah belajar di Bristol kerana dibawa oleh ayahnya yang bekerja di sana untuk beberapa tahun. Yang menarik ialah, suami pernah belajar di sekolah yang sama dengan bapa isteri, iaitu *The Royal Military College*, Malaysia. “So kami rasa memang dijodohkan untuk bertemu, tapi masa kita dewasa la,” ujar isteri dalam senyuman manis.

CINTA ANTARA DUA DARJAT TERPERANGKAP DALAM DILEMA

Responden isteri bagi pasangan ini datang dari keluarga yang biasa sahaja. Bapanya pemandu kereta di sebuah syarikat swasta, ibunya pegawai kerajaan. Ibu bapa isteri tinggal dalam rumah dua tingkat yang dibina di atas tanah milik sendiri yang terletak di pinggir bandar. Suami pula datang dari keluarga yang sangat berada. Bapanya bergelar Datuk kerana kejayaannya dalam bidang perniagaan. Ibunya pula pegawai kerajaan yang telah bersara. Ibu bapa suami tinggal di banglo yang berlokasi di pusat bandar.

Responden isteri sedang menghadapi tekanan yang besar kerana ibu bapanya sangat tidak suka akan cara hidup menantu yang sudah biasa dengan kehidupan senang. Ibu isteri menyesal dengan perkahwinan anak perempuannya yang bersifat cinta antara dua darjah, “Kalau kita nak kahwin, tak dapat anak orang kaya, tak dapat anak Datuk pun tak apa. Bila dapat anak-anak orang kaya ni, kadang-kadang hati kita sakit,” ibu responden mengeluh. Beliau mengambil satu contoh, iaitu pada satu hari cuti, anak perempuan dan menantu datang ke rumah mereka dan tinggal di sini untuk beberapa hari. “Bila orang senang ni bangun pukul 11, pukul 12, kita ni orang tua dah bangun awal pagi, tengok menantu tak bangun lagi. Pintu rezeki kan buka pagi-pagi

macam itu kan. Suami saya memang tak boleh terima sebab dia ni lewat sangat bangun, lepas tu pasang *aircon* sampai ke siang. Saya kata, ‘tak apa, kita guna *reverse psychology*’. Maksudnya, pagi-pagi suami saya cuci kereta menantu dia, rupanya tiga hari turut-turut suami saya cuci, menantu tak hairan. Saya cakap dengan anak saya, ‘Ah long, Ah long macam ni ke dekat rumah mak mertua, pak mertua, macam ni ke, dah biasa ke?’ Anak saya pula cakap, ‘Mak, tak payah la cakap, diam, diam la.’”

Maka ternyatalah bahawa unsur-unsur sosiobudaya sama ada agama Islam ataupun nilai-nilai Melayu masih relevan dan berpengaruh besar dalam pemilihan pasangan orang Melayu di Kuala Lumpur.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pembandaran telah menggalakkan orang Melayu yang dahulunya dikenali sebagai komuniti tani berhijrah ke bandar untuk menyertai kegiatan ekonomi moden dan akhirnya menjadi komuniti tetap di bandar. Kegiatan ekonomi di bandar membawa peralihan ketara kepada faktor-faktor sosioekonomi orang Melayu di bandar sehingga mereka berdikari dari segi ekonomi, antaranya perubahan corak pekerjaan, peningkatan tahap pendidikan dan pendapatan. Lantaran itu, dibandingkan dengan orang Melayu di luar bandar ketika dahulu, muda-mudi Melayu di bandar pada hari ini mempunyai kuasa dan kebebasan yang jauh lebih besar dalam menguruskan kehidupan sendiri, termasuk juga mencari pasangan sehingga perkahwinan atas pilihan sendiri telah menjadi trend utama di bandar-bandar tinggi tahap pembandarannya, seperti Kuala Lumpur.

Seiring dengan perubahan cara memilih pasangan orang Melayu yang menetap di Kuala Lumpur itu, kriteria memilih pasangan mereka turut menunjukkan perubahan drastik, iaitu kepentingan kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan digantikan oleh kriteria-kriteria pasangan itu sendiri, seperti keperibadian, keimanan, keadaan sosioekonomi sendiri dan keadaan fizikal. Sungguhpun begitu, walau bagaimana moden dan maju sekalipun, unsur-unsur sosiobudaya dalam masyarakat Melayu yang merangkumi nilai norma, adat Melayu dan agama Islam tetap mempunyai kedudukan yang tidak dapat digugat dalam mencorakkan kehidupan golongan yang beridentiti Melayu dan beragama Islam, begitu juga dari segi kriteria memilih pasangan.

Buktinya, responden dalam kajian ini masih memberikan keutamaan kepada kriteria “keimanan” semasa memilih pasangan kerana agama Islam sudah menjadi sebatи dengan bangsa Melayu. Mereka juga kurang mengutamakan kriteria “rupa paras” dalam mencari jodoh disebabkan oleh ajaran Islam yang lebih mengutamakan kecantikan dalaman dan bukannya kecantikan luaran seseorang. Selain itu, keutamaan orang Melayu di bandar terhadap agama Islam dan nilai-nilai Melayu tradisi juga dapat dikesan dengan amat ketara daripada fenomena kebanyakan responden tetap mengutamakan dan mengamalkan konsep sekufu semasa mencari jodoh.

NOTA

- ¹ Empat status pekerjaan merujuk kepada pekerjaan profesional, perniagaan sendiri, pekerjaan kolar putih dan pekerjaan manual mahir.
- ² Kedudukan sosioekonomi keluarga dibahagikan kepada enam lingkungan mengikut pendapatan bulanan, iaitu ≤RM3,000, RM3,001-5,000, RM5,001-10,000, RM10,001-15,000, RM15,001-20,000 dan RM20,001 dan ke atas.
- ³ Tujuh lingkungan pendapatan bulanan merujuk kepada ≤RM1,000, RM1,001-2,000, RM2,001-3,000, RM3,001-4,000, RM4,001- RM6,000, RM6,001-8,000 dan RM8,001-10,000.
- ⁴ Tujuh tahap pendidikan merangkumi sekolah rendah, SPM, STPM, diploma, sarjana muda, sarjana dan PhD.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2011. Pembandaran dan kehidupan bandar di Semenanjung Malaysia. *Akademika* 81(2): 23-39.
- ‘Adil Abdul Mun’im Abu Al-‘Abbas. 2011. *Perkahwinan dan Rumahtangga: Syurga yang Disegerakan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Inteam Publishing Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin. 2002. *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Ang, L. H., & Lau, S. K. 2013. Ma lai xi ya de wen hua cha yi: Hua yi he ma lai nv xing de hun yin zhuang kuang bi jiao (Kepelbagai budaya di Malaysia: Perbandingan keadaan perkahwinan antara perempuan Cina dan Melayu). *Nan Yang Wen Ti Yan Jiu (Southeast Asian Affairs)* 153(1): 62-72.
- Azlina Abdullah. 2014. Pembangunan, kelas dan kepelbagai masyarakat Malaysia: Ke arah kesaduan dan perpaduan nasional. Dlm. *Sains Sosial dan Kajian Pembangunan: Kumpulan Rencana Penghormatan untuk Profesor Abdul Rahman Embong*, disunting oleh Y. W. Chin, 316-335. Kajang, Selangor: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Azwein Zaidein. 2011. Pemilihan pasangan dalam kalangan masyarakat Melayu: Kajian di Muar, Johor. (Unpublished academic exercise). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Banks, D. J. 1983. *Malay Kinship*. Philadelphia, PA: Institute for the Study of Human Issues.
- Bidwell, L. D. M. & Mey, B. J. V. 2000. *Sociology of the Family: Investigating Family Issues*. Boston, MA: Pearson.

- Chan, K. E. 1988. Consequences of urbanization in Malaysia. Dlm. *Urbanization in Malaysia: Patterns, Determinants and Consequences*, disunting oleh K. L. Kok & K. E. Chan, 75-94. Kuala Lumpur, Malaysia: National Population and Family Development Board.
- Clark, S., Kabiru, C., & Mathur, R. 2010. Relationship transitions among youth in urban Kenya. *Journal of Marriage and Family* 72: 73-88.
- Coltrane, S., & Collins, R. 2001. *Sociology of Marriage and the Family: Gender, Love, and Property*. 5th edition. Belmont, CA: Wadsworth Publishing.
- Djamour, J. 1965. *Malay Kinship and Marriage in Singapore*. London, England: The Athlone Press.
- Gold, H. 2002. *Urban Life and Society*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Greene, R. P., & Pick, J. B. 2011. *Exploring the Urban Community: A GIS Approach*. 2nd edition. New York, NY: Pearson.
- Haslee Sharil Abdullah, Lau, P. L., & Anand Paul Vijayan David. 2011. Gender differences in mate selection criteria among Malaysian undergraduate students. *Sarjana* 26(2): 33-50.
- Hatfield, E. & Rapson, R. 2005. *Love and Sex: Cross-cultural Perspectives*. Lanham, MD: University Press of America, Inc.
- Jia, Z. K. & Feng, X. T. 2013. Dang dai du shi qing nian de ze ou biao zhun-Ji yu Nanjing wan ren xiang qin hui de shi zheng fen xi (Contemporary urban youth's criteria of mate selection—Based on the empirical analysis of Nanjing ten thousand people blind date). *Hebei Da Xue Xue Bao (Journal of Hebei University)* 38(2): 91-96.
- Jonason, P. K., Li, N. P. & Madson, L. 2011. It is not all about the Benjamins: Understanding preferences for mates. *Personality and Individual Differences* 52(3): 306-310.
- Kuchiba, M., & Tsubouchi, Y. 1966. マラヤ北西部の稻作農村: 婚姻離婚・家族の特質について(A Malay padi-farming community in the northwestern part of Malays: A sociological analysis of marriage, divorce and family). 東南アジア研究(Southeast Asian Studies) 4(1): 2-43.
- Kuchiba, M., Tsubouchi, Y., & Meada, N. 1979. *Three Malay Villages: A Sociology of Paddy Growers in West Malaysia*. (P. Hawkes & S. Hawkes, Trans.). Honolulu, Hawaii: The University Press of Hawaii.
- Li, Y., & Xu, A. Q. 2004. *Hun yin shi chang zhong de qing nian ze ou (Pemilihan Pasangan Muda-Mudi dalam Pasaran Perkahwinan)*. Shanghai, China: Shanghai Academy of Social Sciences.
- Macionis, J. J., & Parrillo, V. N. 2016. *Cities and Urban Life*. 7th edition. New York, NY: Pearson.
- Olson, D. H., DeFrain, J., & Skogrand, L. 2013. *Marriages & Families: Intimacy, Diversity, and Strengths*. 8th edition. New York, NY: McGraw-Hill.
- Paizah Ismail. 2003. *Kekeluargaan Islam menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
- Sayyid Sabiq. 1990. *Fiqh as-Sunnah*. Jilid 6. (Mahyuddin Syaf, Trans.). Kuala Lumpur, Malaysia: Victory Agncie.
- South, S. J. 1991. Sociodemographic differentials in mate selection preferences. *Journal of Marriage and Family* 53(4): 928-940.
- Strange, H. 1976. Continuity and change: Patterns of mate selection and marriage ritual in Malay village. *Journal of Marriage and Family* 38(3): 561-571.
- Sulaiman Endut. 1999. *Perkahwinan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Swift, M. G. 1965. *Malay Peasant Society in Jelebu*. New York, NY: Humanities Press Inc.
- Wahbah Al-Zuhayli. 1985. *Al-fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jilid 7. Damsyik, Syria: Dar al-Fikr.
- Wan Abdul Halim Othman. 1993. Hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Melayu. Dlm. *Psikologi Melayu*, disunting oleh Abdul Halim Othman, 61-101. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Yaacob Harun. 2014. *Malay Family: Structure and Organization*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamali Tarmudi, Razizi Tarmuji, & Nor Alhana Abd Malik. 2014. Pemilihan pasangan hidup bercirikan nilai-nilai Islam: Pendekatan kabur. *Malaysian Journal of Mathematical Sciences* 8(1): 139-155.

Hanxiao @ Indah

Ketua Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pengajian Asia
Beijing Foreign Studies University
Beijing, Republik Rakyat China
E-mel: hanxiao@bfsu.edu.cn
Xi San Huan Bei Lu No.2, Beijing Foreign
Studies University
HaiDian District
Beijing, P. R. China, 100089

Diserahkan: 14 September 2021

Diterima: 21 Januari 2022